

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 NOVEMBER 2016

## Permohonan Najib batal saman Dr. Mahathir, 20 Feb. depan

**KUALA LUMPUR 7 Nov.** - Permohonan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk membatalkan saman bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan dua lagi berhubung dakwaan salah laku membabitkan dana pembangunan strategik 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) ditangguhkan oleh Mahkamah Tinggi di sini sehingga 20 Februari tahun depan.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdullah yang mewakili Dr. Mahathir, bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas Ahli Wanita

UMNO Langkawi, Anina Saadudin memberitahu pemberita, pihaknya memohon penangguhan disebabkan mahu memasukkan hujah tambahan berhubung isu-isu undang-undang kepada hujahan bertulis yang telah difailkan.

Peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun yang mewakili Najib berkata, pihaknya membantah permohonan penangguhan tersebut kerana bersedia untuk berhujah bagi membatalkan saman itu hari ini.

Tarikh pendengaran tersebut ditetapkan oleh Hakim Abu Bakar Jais di kamar hakim di sini.